

Tidak semua Cina ultra kiasu

Bulan lalu, satu pertemuan tertutup secara harmoni, diatur oleh badan tertentu, antara saya dengan 10 pemuda parti Gerakan.

Pemuda Gerakan bertanyakan soalan bertubi-tubi dan mahuhan jawapan, kenapa saya selalu dilihat melakukan attack kepada orang Cina dan melabelkan mereka sebagai ultra kiasu? Tidakkah lebih baik menulis menyeri kepada perpaduan nasional?

Saya jawab, tulisan saya tidak melakukan attack kepada semua orang Cina. Tidak semua Cina itu ultra kiasu. Masih ramai orang Cina yang baik.

Ultra kiasu yang setiap kali saya maksudkan adalah merujuk kepada mereka yang menentang agenda nasional seperti termaktub dalam Perlembagaan negara. Tidak kita, sama ada mereka Melayu, Cina, India atau sesiapapun.

Agenda nasional adalah agenda yang telah dipersetujui bersama, seperti kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu dan Burniputera, dan lain-lain berkaitan. Kesemua ini mesti



buka
minda

RIDUAN TEE
ABDULLAH

dihormati dan diutamakan dalam apa jua keadaan.

Saya tidak menanamkan kebencian. Tidak ada erti nya saya menganut agama Islam, jika saya mengajak umat Islam membenci mereka yang tidak ultra kiasu. Tanggungjawab asas saya kepada mereka adalah; sampaikan walaupun satu ayat (berdakwah).

Semua bangsa (makhluk) adalah ciptaan ALLAH SWT. Mesti dihormati. Tidak kira manusia atau binatang (termasuk babi). Tidak sewajarnya kita saling menghina atau bermusuuh. Kecuali dalam keadaan tertentu.

Kemulaan seseorang terletak pada iman dan takwa, bukan pada yang lain. Apa guna berbangga dengan bangsa, jika kita tidak dapat menjaga maruah bangsa sendiri.

Masih ramai manusia yang berbangsa hari ini, sengaja merosak bangsa sendiri dengan melakukan perbuatan negatif seperti berjudi, berzina, minum arak, hasad

dengki, fitnah-memfitnah dan dosa besar yang lain.

Dalam menyeri kepada sepatutnya dapat melahirkan lebih ramai orang-orang seperti Prof Khoo Kay Kim, Prof Teo Kok Seong, Mustapha Ma, Juhaidy Yean dan ramai lagi.

Mereka ini adalah kalangan Cina yang mementingkan agenda negara, berbanding bangsa. Mereka selalu berhujah dengan mengambil kira fakta sejarah negara tercinta ini. Saya harap, lebih ramai lagi Cina, terutama ahli-ahli parti Gerakan, akan mengikuti jejak-jejak mereka. Malangnya, golongan inilah yang paling tidak disukai ultra kiasu.

Justeru, menjadi tanggungjawab saya untuk memperbetulkan salah faham ini. Alhamdulillah, Pemuda Gerakan mula memahami dan mengenali saya.

Pertama, artikel saya sentiasa menyeri kepada perpaduan nasional bukan sebaliknya. Kita perlu membendung sifat ultra kiasu jika mahu kenal saya, baca artikel saya secara penuh. Jangan

baca laman web ultra kiasu yang selalu memanipulasi dan mensensasikan batis-batis kecil artikel saya dalam akhbar *Sinar Harian*.

Kedua, jangan campuri hal ehwal agama Islam, jika kamu semua tidak tahu tentangnya. Agama adalah isu yang amat sensitif bagi orang Islam. Jika tidak tahu, lebih baik bertanya bagi mendapatkan jawapan.

Agama Islam, adalah agama yang menyeri kepada perdamaian dan perpaduan.

Maka tidak hairan, dalam sekitar 1,400 tahun, Islam begitu cepat berkembang. Populasi kedua terbesar di dunia. Malah telah mengatasi agama-agama besar yang lebih awal kewujudannya.

Adakah Islam boleh tersebar jika tidak menggalakkan semua ini?

Ketiga, belajarlah memahami cara hidup Melayu dan sensitivitiya. Sekali-sekala, saya teramat ingin melihat bukan Melayu memakai baju Melayu ketika pembukaan Parlimen atau mengambil pingat kebesaran, daripada berlagak memakai blazer atau pakaian orang putih.

Keempat, perpaduan nasional tidak akan melalui perjuangan Malaysian Malaysia. Jika adil itu 1=1, maka MCA dan Gerakan tidak layak untuk mendapatkan kerusi Kabinet dalam keadaan perseimbahan mereka dalam PRUI3 amat buruk.

Kelima, pemuda Gerakan dari MCA yang telah mendominasi parti itu, sehingga menampakkan seolah-olah ia parti perkauman. Gerakan mahu kembali kepada landasan asal untuk semua kaum. Jika begitulah keadaannya, Gerakan mesti dapat membuatkan bahawa ia berbeza dan lebih relevan berbanding MCA. Suara Gerakan mesti suara Malaysia, bukan suara perkauman.

Kesimpulannya, saya akan terus menulis untuk masa depan Malaysia, dengan mengambil kira nasihat pemuda Gerakan Kepada yang tidak bersetuju, mereka ada hak untuk tidak membaca, mahupun untuk membela, kerana kita mengamalkan demokrasi.